

“Selamat Datang ke **Edisi Ke-3 Pendidikan Tinggi Hari ini**. Minggu ini, kami akan berkongsi serba sedikit mengenai beberapa isu menarik termasuk Pelan Transformasi Negara, Anugerah Tokoh Siswa, Anugerah MOOC, dan lagi! Edisi lama Pendidikan Tinggi Hari Ini @ HE Today boleh diperolehi di www.mohe.gov.my/HEToday. Segala maklum balas dan komen anda amat dihargai. Anda boleh hubungi kami di hetoday@mohe.gov.my. Terima kasih atas sokongan anda!” - **KetuaPengarang**

SEGMENT I - MENEROKAI KECEMERLANGAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN



MOOC MALAYSIA:
> 63 KURSUS, 137,946 PELAJAR

www.OpenLearning.com

openlearning Find courses Teach a course Sign up Log in



- Kehebatan Malaysia dalam bidang MOOC terserlah apabila **Prof. Dato' Dr. Mohamed Amin Embi** daripada **Universiti Kebangsaan Malaysia**, diberi pengiktirafan di peringkat global apabila menerima anugerah **Open Education Awards for Excellence 2016** bagi kategori **Open MOOC** untuk kursus MOOC beliau yang bertajuk **“Rethinking Teaching, Redesigning Learning”**.
- Beliau juga merupakan **salah satu daripada hanya dua ahli akademik di dunia** yang menerima **Individual Educator Award**. Anugerah-anugerah berprestij ini telah diberikan oleh **Open Education Consortium** di Poland pada April 2016.
- **Open Education Consortium** merupakan rangkaian institusi dan organisasi pendidikan yang menyokong keadah pendidikan berasaskan keterbukaan, kolaborasi dan inovasi. Konsortium ini berpangkalan di USA dan beroperasi di seluruh dunia.

- **Berminat untuk mempelajari ilmu keusahawanan?** Anda boleh mengambil kursus keusahawanan secara *online* menerusi inisiatif **MOOCs Malaysia** yang telah bermula sejak penghujung tahun 2013.
- **MOOCs** ataupun **Massive Open Online Courses** merupakan kursus pembelajaran dalam talian (*online*) yang terbuka secara **percuma**.
- Sehingga kini, MOOCs Malaysia menawarkan **63 kursus** yang menarik, dan seramai **137,946 pelajar** daripada **lebih 80 negara** mengikuti MOOC Malaysia.
- MOOCs Malaysia merupakan agenda keutamaan Kementerian di bawah **Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (Globalised Online Learning)** di bawah **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)**.



PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA



Program Transformasi Negara (PTN) bertujuan mengukuhkan asas bagi pertumbuhan ekonomi mampan, meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam, mewujudkan persekitaran perniagaan berdaya saing global, dan membangunkan jaringan keselamatan berkesan bagi meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat Malaysia

5 Pencapaian Utama #ProgramTransformasiNegara 2015


- 1) Berjaya mengurangkan defisit fiskal (Perbelanjaan : Pendapatan negara)
- 2) 5.6% - Purata KDNK sejak 2010 (ekonomi membangun & sihat)
- 3) Peningkatan pendapatan per kapita meningkat
- 4) 220 bulan berturut-turut, lebih dagangan
- 5) Pengiktirafan agensi Antarabangsa

- Malaysia merupakan antara negara yang mencatatkan pertumbuhan terbaik di ASEAN tahun lepas iaitu pendapatan **negara kasar per kapita telah meningkat** sebanyak 30 % tahun lepas kepada lebih RM36 ribu berbanding sekitar RM28 ribu pada 2010.
- Malaysia juga telah mencatatkan **lebih dagangan untuk bulan ke-220 berturut-turut** sejak November 1997 dan pada Februari 2016, Malaysia mencatatkan lebih eksport daripada import bernilai RM7.5 bilion.
- **Nilai Ringgit telah mencapai tahap tertinggi 3.865** berbanding dolar Amerika pada 13 April 2016, meningkat 11 peratus sejak akhir tahun 2015.
- Malah saham Bursa Malaysia telah terjual kepada para pelabur luar negara bernilai RM6.4 bilion setakat 22 April, 2016. Kerajaan juga telah **berjaya menerbitkan Sukuk Global** bernilai US\$1.5 bilion pada 20 April, 2016, atau terlebih langgan 4.2 kali





MUHAMMAD ANAS BIN MISBAHUDIN
TOKOH SISWA



SITI ZURIANAH BINTI ISMAIL
TOKOH SUKARELAWAN SISWA



Anugerah Tokoh Siswa 2015 telah diadakan dengan jayanya pada 26 April 2016 dengan Universiti Malaysia Pahang selaku tuan rumah dan di-

anjurkan bersama dengan **Bahagian Pembangunan Mahasiswa**, Kementerian Pendidikan Tinggi. Anugerah ini diadakan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap kejayaan individu dan persatuan/kelab dalam pengurusan organisasi dan pelaksanaan program/aktiviti pembangunan mahasiswa serta sebagai satu suntikan semangat kepada mahasiswa untuk mengetengahkan potensi dan mengembangkan bakat yang ada pada diri untuk menjadi insan yang cemerlang dan holistic.


Seramai 346 pencalonan telah diterima dari seluruh IPT dan seramai 48 calon telah disenarai pendekkan. Sebanyak 16 kategori telah dipertandingkan dan pada malam penganugerahan 16 tokoh telah terpilih dengan Saudara **Muhamad Anas bin Misbahudin** dari **UniSZA** dinobatkan sebagai **Tokoh Siswa 2015**. Tahniah diucapkan kepada penerima anugerah, kekalkan usaha anda! *Senarai penuh penerima seperti di bawah:*

 MUHAMMAD FAEZ BIN IDRUS ANUGERAH PEMIMPIN HARAPAN KATEGORI KEPIMPINAN	 SHAZREENA BINTI ISHAK ANUGERAH PEMIMPIN KELAB DAN PERSATUAN KATEGORI KEPIMPINAN	 MOHD FIKRI BIN MOHD JUMAT ANUGERAH PEMIMPIN INOVASI KATEGORI KEPIMPINAN	 MUHAMMAD HAFIZ B. ABDUL RAHMAN ANUGERAH PEMIMPIN KOLEJ KEDIAMAN KATEGORI KEPIMPINAN	 ROYZAIB SUGIAN B. BAMBANG SUGIAN ANUGERAH PEMIMPIN BADAN BERUNIFORM TERBAIK KATEGORI KEPIMPINAN
 MUHAMMAD ANAS BIN MISBAHUDIN ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEPIMPINAN TERBAIK (TERBUKA) KATEGORI KEPIMPINAN	 ABDUL MUIZ BIN MUSTAFA ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM PENGUCAPAN AWAM TERBAIK KATEGORI KEPIMPINAN	 IQLIMA BALQIS BT ADHAM ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEUSAHAWANAN KATEGORI KEPIMPINAN	 MAI IZYANI BT. HJ. ABD RANI ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KEBUDAYAAN KATEGORI KEPIMPINAN	
 NURAIN ZAKIAH BT MD HAZIZI ANUGERAH SUKARELAWAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI (TERBAIK) KATEGORI KESUKARELAWANAN	 NUR FATIN NABILA BINTI ABD RAHMAN ANUGERAH SUKARELAWAN PEMBANGUNAN BELIA (TERBAIK) KATEGORI KESUKARELAWANAN	 NURUL AIN SYAHIRAH BINTI ROSLI ANUGERAH SUKARELAWAN ALAM SEKITAR TERBAIK KATEGORI KESUKARELAWANAN	 MUHAMMAD FATHI BIN MARZUKI ANUGERAH PEMIMPIN PROGRAM KESUKARELAWAN TERBAIK KATEGORI KESUKARELAWANAN	
 SEKRETARIAT SUKARELAWAN UNIVERSITI MALAYA KETUA PASUKAN : MUHAMMAD FATHI BIN MARZUKI	 SITI ZURIANAH BINTI ISMAIL ANUGERAH SUKARELAWAN (TERBUKA) TERBAIK KATEGORI KESUKARELAWANAN	 NUR SYAFIAH ATHIRAH BINTI AHMAD SHAFIQUE ANUGERAH SUKARELAWAN HARAPAN KATEGORI KESUKARELAWANAN		



**KUALA LUMPUR
ONCE AGAIN
VOTED THE MOST
AFFORDABLE
CITY IN THE
WORLD
FOR STUDENTS**

QS Best Student Cities Survey
2013/14 & 2015/16



KUALA LUMPUR: DESTINASI PENDIDIKAN TINGGI ANTARABANGSA

- Sekali lagi Kuala Lumpur telah diiktiraf sebagai bandar paling 'berpatutan' (affordable) oleh QS Best Student Cities Survey bagi tahun 2013/2014 dan 2015/2016.
- Menurut QS, 'berpatutan' dalam konteks ini merujuk kepada beberapa indikator, termasuk kos yuran pengajian; kos barangan runcit; kos kehidupan setempat; dan kos sewaan penginapan.




Pelan Tindakan Keusahawanan INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI 2016-2020



- Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 dilancarkan pada 15 April 2016 antara lain bertujuan membangunkan **graduan berciri keusahawanan unggul**, demi merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah *Entrepreneurial Nation*.
- Pelan tindakan bagi tempoh lima tahun itu mengandungi pelaksanaan empat inisiatif bagi menganjatkan minda graduan daripada **pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan** (*From Job Seekers to Job Creators*)
- Empat inisiatif ini antara lain bertujuan melaksanakan **Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEP)** dengan menerapkan elemen keusahawanan merentasi kokurikulum dan bidang pengajian. Ia juga bagi melaksana rangka kerja penjana pekerjaan, menambah baik ekosistem dan memperkukuh kecekapan tenaga pengajar keusahawanan. Menerusi pelan tindakan ini, semua program keusahawanan siswa kementerian akan dijenamakan sebagai **siswapreneur dan Siswa in Social Enterprise (SISE)**.

STRATEGI A :
MEMBANGUNKAN KURIKULUM HOLISTIK DAN BERSEPADU

STRATEGI B :
MENGUKUHKAN SISTEM SOKONGAN PEMBELAJARAN



SEGMENT 3 – PENGUMUMAN

FOLLOW, LIKE & SHARE KEJAYAAN TERKINI KPT MELALUI MEDIA SOSIAL! BANTU KAMI MENYEBARKAN BERITA POSITIF INI ;)
- PERMINTAAN KHAS DARIPADA KAWAN KEPADA KETUA PENGARANG -

Menteri & Timbalan Menteri

@IdrisJusoh
 DatoSerIIdrisJusoh
 DS_IdrisJusoh
 @Maryyapkc
 MaryYKC
 MaryYKC

Facebook.com/soaringupwards
 Facebook.com/moheofficial
 @soaringupwards
 @moheofficial
 Soaringupwards
 Kementerianpendidikan tinggi
 #SoaringUpwards